

# *Kemahiran Membaca: Strategi DEKON (Deklamasi dan Lakonan) dalam Mempertingkatkan Kelakonan bagi Bacaan Lantang Murid*

**Mohamed Sha'ban Mohd Rapiai**

mohamed\_shaban\_mohd\_rapiai@moe.edu.sg

**Najiyyah Mohamed Said**

Sekolah Rendah Greenwood  
najiyyah\_mohamed\_said@moe.edu.sg

## *Abstrak*

Para guru menyedari bahawa murid-murid yang dapat membaca dengan baik bukan sahaja berjaya memperoleh markah yang cemerlang bagi komponen bacaan lantang, malah akan dapat membantu mereka mencapai keputusan yang baik bagi ujian lisan. Kajian ini bertujuan meneliti keberkesanan teknik DEKON atau deklamasi dan lakon dalam mempertingkatkan kelakonan murid bagi komponen bacaan lantang. Seramai 30 orang murid tahap sederhana telah dikenal pasti sebagai responden dalam kajian ini. Rubrik penilaian dan skala bacaan lisan yang direka khusus digunakan sebagai instrumen kajian. Rubrik dan skala yang mempunyai kriteria tertentu telah digunakan dalam praujian dan pascaujian untuk mengukur pencapaian murid. Skor yang diperolehi daripada pascaujian memaparkan kemajuan murid yang ketara yang telah dicapai oleh murid. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa strategi DEKON berkesan dalam mempertingkatkan kelakonan dalam komponen bacaan lantang dalam kalangan murid.

### **Kata kunci**

Teknik DEKON, Rubrik Penilaian dan Skala Bacaan Lisan

## **PENGENALAN**

Bacaan lantang merupakan salah satu komponen yang penting dalam ujian lisan. Pada dasarnya, murid-murid yang boleh membaca tidak sepatutnya menghadapi masalah untuk mendapatkan markah yang cemerlang bagi komponen bacaan lantang. Namun, markah yang diperoleh kebanyakan murid dalam ujian lisan memaparkan perkara yang sebaliknya. Mereka gagal menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam komponen bacaan lantang. Perkara ini kritikal kerana boleh menjejaskan keputusan ujian lisan secara keseluruhan.

Bagi membantu guru menangani masalah ini, satu usaha intervensi telah dijalankan. DEKON (singkatan daripada Deklamasi dan Lakon) merupakan teknik yang digunakan dalam usaha intervensi tersebut. Teknik DEKON dipilih kerana teknik tersebut boleh membantu murid-murid untuk memahami, menghayati dan membaca teks dengan tekanan suara, intonasi dan penjedaan yang betul dan sesuai.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Guru lebih kerap menggabungkan dua kaedah dalam pengajaran kemahiran membaca lantang, iaitu kaedah dengar sebut atau audiolingual dan ajuk hafaz. Menerusi kaedah dengar sebut, murid belajar dengan cara mendengar, meniru serta mengulangi perlakuan bahasa yang mereka dengar berkali-kali. Kaedah ajuk hafaz pula memerlukan murid-murid mengajuk sesuatu yang telah didemonstrasikan kepada mereka berkali-kali supaya boleh dihafal. Lazimnya, guru akan mencontohkan bacaan yang dianggap baik dahulu. Kemudian, murid akan mengikut apa yang didengar berulang kali. Secara ringkasnya, kedua-dua kaedah ini memberi penekanan kepada demonstrasi dan latih tubi untuk membantu murid-murid menguasai kemahiran lisan terutamanya bacaan lantang mereka.

Walaupun teknik dengar sebut dan ajuk seterusnya hafaz memberikan manfaat yang tersendiri, kebanyakan murid masih gagal memperoleh markah yang cemerlang dalam komponen bacaan lantang. Masalah ini timbul kerana kaedah tersebut tidak mengajar murid secara langsung untuk menghayati kandungan teks dan mengenal pasti situasi yang dipaparkan dalam teks bacaan. Apabila pemahaman mereka kurang, penghayatan mereka terhadap teks yang dibaca juga turut kurang. Selain itu, murid tidak dapat membaca dengan tekanan dan intonasi yang betul dan sesuai. Ini menyebabkan bacaan lantang mereka kurang berkesan.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. melihat keberkesanan teknik DEKON dalam mempertingkatkan pencapaian murid bagi komponen bacaan lantang bagi murid Darjah empat; dan
2. meneliti sama ada teknik DEKON dapat membantu murid mencapai keputusan yang lebih baik bagi komponen bacaan lantang semasa ujian lisan.

## KAJIAN LITERATUR

Menurut Kamidjan (1996) membaca nyaring atau lantang ialah proses membaca dengan suara, intonasi, dan tekanan secara tepat, yang diikuti dengan pemahaman teks yang dibaca.

Abdul Aziz Abdul Talib (1989) pula menyatakan bahawa bacaan lantang ialah satu komunikasi bahasa dan merupakan satu aspek kemahiran bahasa yang pragmatik. Baginya, kebolehan bacaan lantang adalah satu kemahiran yang boleh dikuasai hanya melalui pengajaran dan latihan yang formal dan teratur. Berdasarkan pernyataan ini, jelaslah bahawa seseorang guru itu perlu menggunakan sesuatu teknik yang sesuai dalam pengajarannya supaya murid dapat menguasai sesuatu kemahiran itu dengan baik. Kamarudin Hj Husin (1988) pula menyatakan bahawa bacaan lantang membolehkan murid-murid membaca dengan cekap.

Miller dan Schwanenflugel (2008) menyatakan bahawa para pembaca yang berjaya menguasai kemahiran pembacaan dengan intonasi yang betul akan meraih pemahaman yang lebih baik.

Menurut Daane, Campbell, Gigg, Goodman dan Oranje (2005), satu kajian yang melibatkan 1,750 orang murid mendapati bahawa murid yang menguasai kemahiran membaca berjaya meraih pencapaian yang lebih baik bagi komponen membaca.

Satu laporan yang dihasilkan oleh Panel Bacaan Kebangsaan di Amerika Syarikat pada tahun 2000 telah menerangkan bahawa para pembaca yang membaca dengan intonasi yang betul akan dapat memahami dengan lebih mendalam lagi tentang apa yang dibaca berbanding dengan para pembaca yang tidak membaca dengan intonasi yang sesuai. Hal ini menjelaskan akan pentingnya

melatih murid agar menguasai kemahiran bacaan lantang dengan baik kerana kemahiran ini berkait rapat dengan pencapaian murid secara keseluruhan dalam aspek kemahiran lisan mereka.

Mengikut Teknik latih tubu adalah aktiviti pengulangan fakta-fakta atau kecekapan yang dipelajari. Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Kamus Dewan Bahasa (2014), DEKON merupakan gabungan dua perkataan, iaitu deklamasi dan lakon dan dipersembahkan oleh seseorang yang akan mendeklamasikan puisi dan pada masa yang sama berlakon. Deklamasi bermakna pembacaan sajak dan sebagainya dengan irama suara, gaya dengan penuh perasaan. Lakon pula bererti memainkan sesuatu watak atau peranan dalam sesuatu cerita. Teknik DEKON ini memberi peluang kepada murid untuk menyatakan atau menyampaikan idea atau pandangan termasuk bahan yang dibaca secara lantang atau nyaring dan jelas. Murid juga dilatih untuk menghayati sebutan sesuatu perkataan dengan penuh perasaan dan hal ini membantu meyakinkan pendengar mengenai perkataan yang disebut atau dibaca.

Kajian lepas yang telah dinyatakan di atas menunjukkan bahawa kemahiran membaca dengan intonasi yang betul merupakan satu perkara yang perlu dititikberatkan oleh guru. Dalam hal ini, teknik DEKON boleh membantu dalam mempertingkatkan pencapaian lisan murid secara keseluruhannya.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini mengaplikasikan teknik DEKON dalam pengajaran dan pembelajaran bacaan lantang DEKON merupakan suatu cara penghayatan seni melalui pengungkapan deklamasi dan berlakon. Teknik tersebut telah diilhamkan oleh penulis dan penyair negarawan, A. Samad Said, melalui watak Lazri Meon. Pada awalnya, DEKON ini dipersembahkan oleh Dato' A. Samad Said untuk memberikan kefahaman kepada pelajar sekolah mengenai novel beliau yang agak sukar difahami, Daerah Zeni. Menurut Dato' A. Samad Said dalam buku Lazri Meon, "...saya fikirkan jalan terbaiknya ialah dengan saya membantu mereka menghayati novel ini secara lebih akrab melalui dekon. Dengan dekon, saya sendiri dapat menyampaikan semangat dan intisari kehidupan Daerah Zeni melalui deklamasi dan lakon...". (Festival UMS 2009 perkasakan Dekon, Utusan Borneo, 2009)

Teknik DEKON berbeza dengan kaedah yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran bacaan lantang. Teknik DEKON lebih bersifat pementasan seperti persembahan puisi dan lakonan pada masa yang sama. Namun, ciri-ciri teknik yang memberikan penekanan kepada sebutan, intonasi

dan penjedaan serta penghayatan telah menjadi perhatian bagi kajian ini.

## SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian merupakan murid-murid darjah 4 tahap sederhana. Seramai 30 orang murid (lelaki dan perempuan) telah dipilih untuk tujuan kajian tindakan ini. Kumpulan ini melalui 12 sesi intervensi selama 6 minggu, 1 jam setiap sesi.

## INSTRUMEN KAJIAN

Beberapa instrumen telah digunakan dalam kajian ini seperti yang berikut.

### Praujian dan Pascaujian

Praujian dan pascaujian digunakan untuk melihat sejauh mana teknik DEKON dapat membantu murid-murid mempertingkatkan kelakonan mereka dalam komponen bacaan nyaring. Data daripada praujian dan pascaujian dikumpulkan secara kuantitatif. Kemudian, analisis statistik dilakukan untuk meninjau keberkesanan teknik DEKON. Rujuk Jadual 1 bagi reka bentuk praujian dan pascaujian.

**Jadual 1: Reka Bentuk Praujian dan Pascaujian**

<b>Reka bentuk praujian dan pascaujian kumpulan</b>			
	<b>Praujian</b>	<b>Intervensi</b>	<b>Pascaujian</b>
<b>G1</b>	<b>O1</b>	<b>X</b>	<b>O2</b>

G1 ialah Kumpulan Kajian. Simbol 'X' pula menandakan intervensi dijalankan bagi kumpulan itu.

Teks bacaan yang sama diberikan ketika praujian dan pascaujian. Teks bacaan itu mempunyai kepanjangan lebih kurang 150 perkataan. Terdapat beberapa baris dialog disertakan dalam teks bacaan tersebut.

### Rubrik Penilaian

Bacaan lantang murid semasa praujian dan pascaujian dinilai berdasarkan rubrik penilaian yang telah direka khas untuk kajian tindakan ini. Rubrik penilaian dibina berdasarkan skema pemarkahan lisan peringkat darjah 4 dan PSLE. Rubrik itu terbahagi pada tiga kriteria, iaitu kelancaran, intonasi dan penjedaan. Data yang dikumpul secara kuantitatif dianalisis dan diteliti sama ada wujud perbezaan yang signifikan secara statistik antara kumpulan terkawal dan eksperimental. Rujuk Jadual 2.

**Jadual 2: Rubrik Penilaian**

Item	Cemerlang (5)	Kepujian (4)	Baik (3)	Sederhana (2)	Lemah (1)	(0)
kelancaran	Bacaan lancar dan tidak teragak-agak.	Bacaan teragak-agak sedikit.	Bacaan kurang lancar.	Bacaan lambat dan agak ragu-ragu.	Bacaan sangat lambat dan tersekat-sekat, membaca mengikut suku kata.	Tidak lancar langsung.
Intonasi	Mempunyai intonasi yang berbeza dan sangat sesuai.	Mempunyai intonasi yang berbeza dan sesuai.	Terdapat intonasi yang masih sesuai.	Terdapat sedikit intonasi yang sesuai	Intonasi tidak sesuai.	Tiada intonasi langsung.
Jeda	Jeda yang sangat tepat dan sesuai.	Penjedaan yang hampir tepat dan sesuai.	Terdapat jeda yang sesuai.	Terdapat sedikit jeda yang sesuai.	Jeda tidak sesuai.	Tiada jeda langsung.

## Skala Ukuran

Skala ukuran bertujuan mengukur pencapaian murid bagi ketiga-tiga kriteria yang terdapat pada rubrik penilaian. Julat markah bagi setiap kriteria itu adalah daripada 0 hingga 5 markah. Markah yang diperoleh bagi setiap kriteria akan dijumlahkan bagi mendapatkan markah penuh. Melalui markah penuh itu, tahap pencapaian murid dapat dikenal pasti. Tahap pencapaian murid dalam skala ukuran dikategorikan sebagai Kepujian (14-15 markah), Sangat Baik (11-13 markah), Baik (8-10 markah), Sederhana (4-7 markah) dan Lemah (0-3 markah). Tiada markah setengah yang diberikan dalam pemarkahan ini. Rujuk Jadual 3.

**Jadual 3: Skala ukuran**

SKALA UKURAN							
KRITERIA	5	4	3	2	1	0	Markah Penuh (15)
Kelancaran							
Intonasi							
Penjedaan							
Subjumlah							

ARAHAN :           Bulatkan peringkat pencapaian murid.

PERINGKAT	MARKAH
Cemerlang	14 - 15
Kepujian	11 - 13
Baik	8 - 10
Sederhana	4 - 7
Lemah	0 - 3

PERHATIAN : Jangan beri ½ markah

Statistik Paired T test

Dalam kajian ini, teknik pengumpulan statistik yang dipanggil '*paired t-test*' telah digunakan untuk mendapatkan fakta tentang keberkesanan teknik DEKON dalam meningkatkan kelakonan murid-murid bagi komponen bacaan lantang. Teknik '*paired t-test*' dipilih kerana teknik ini amat sesuai digunakan dalam kajian yang melibatkan perbandingan antara dua sampel, iaitu markah praujian dan pascajuan.

Sebuah perisian statistik yang menggunakan kaedah '*paired t-test*' telah digunakan. Dalam kaedah '*paired t test*', setelah proses pengiraan markah dilakukan berdasarkan formula '*paired t test*', sampel yang memperoleh nilai yang sama atau kurang daripada 0.05 telah meraih peningkatan yang ketara manakala sampel yang memperoleh nilai yang lebih daripada 0.05 tidak menunjukkan sebarang peningkatan yang ketara.

**PROSEDUR KAJIAN**

Kajian ini dijalankan selama 6 minggu pada penggal tiga, termasuk minggu praujian

dan pascaujian. Kumpulan Kajian melalui 12 sesi intervensi yang dijalankan oleh guru Bahasa Melayu kumpulan itu. Setiap sesi mengambil masa 2 waktu atau 1 jam. Sesi intervensi merupakan pengajaran dan pembelajaran bacaan lantang yang mengaplikasikan teknik DEKON. Sebelum intervensi dijalankan, murid-murid daripada Kumpulan Kajian telah menjalani praujian. Keupayaan murid-murid dalam komponen bacaan lantang telah diuji seminggu sebelum sesi intervensi. Kajian ini juga memastikan bahawa teks bacaan yang digunakan sama bagi praujian dan pascaujian. Selain itu, guru yang menguji sesebuah kumpulan itu bukanlah guru Bahasa Melayu kumpulan tersebut. Pencapaian murid dinilai berdasarkan rubrik penilaian dan skala ukuran yang direka khusus bagi tujuan kajian ini. Setelah 4 minggu, kumpulan itu diuji sekali lagi. Analisis statistik dibuat untuk melihat pencapaian murid.

Sepanjang sesi intervensi itu, Kumpulan Kajian telah didedahkan kepada pembelajaran koperatif Round Robin dan teknik Teater Pembaca. Pembelajaran koperatif diterapkan dalam aktiviti kelas kerana keberkesanannya dalam pembelajaran. Teknik Teater Pembaca turut digunakan kerana teknik itu melibatkan murid menghayati dan membaca skrip cerita dengan menggunakan sebutan, nada, intonasi yang betul bagi menggambarkan sesuatu cerita yang dipersembahkan. Selain Round Robin dan Teater Pembaca, guru juga menggunakan slaid *Powerpoint* dan teks bacaan yang berbeza untuk tujuan kajian ini. Berikut merupakan penerangan terperinci bagi sesi intervensi yang dijalankan di dalam kelas Kumpulan Kajian.

## **SESI INTERVENSI**

### Sesi 1

Bagi Sesi 1, murid diuji melalui satu aktiviti berkumpulan. Setiap kumpulan akan menerima teks bacaan daripada guru. Empat kumpulan akan menerima teks bacaan yang sama. Dalam kumpulan masing-masing, setiap murid akan berlatih membaca teks itu secara bergilir-gilir secara *Round Robin*. Setiap kumpulan diberikan 10 minit untuk memahami, menghayati dan berlatih membaca teks. Selepas itu, setiap kumpulan akan diminta membaca teks secara kreatif. Setelah semua kumpulan membuat penyampaian, guru memberikan komen secara lisan tentang bacaan mereka.

### Sesi 2 – 4

Bagi Sesi 2 hingga 4, guru menerangkan tiga jenis tekanan ucapan, iaitu tekanan dinamik, tempo dan nada. Tekanan dinamik ialah tekanan keras yang menegaskan perkataan yang penting. Tekanan tempo pula tekanan yang



melambatkan penyebutan bagi perkataan yang dianggap penting. Tekanan nada menggambarkan keadaan dan perasaan si penutur. Murid mempelajari cara menyebut dengan menggunakan ketiga-tiga jenis tekanan ucapan itu.

### Sesi 5

Bagi Sesi 5, murid menjalani aktiviti ulang kaji mengenai tekanan ucapan. Murid-murid akan diminta menyebut perkataan dan ayat berdasarkan tekanan ucapan yang tertentu.

### Sesi 6- 10

Bagi Sesi 7 hingga 10, murid mempelajari kaitan antara intonasi dengan perasaan. Sebagai aktiviti permulaan, murid dikehendaki menyenaraikan pelbagai jenis perasaan yang mereka ketahui secara lisan. Setelah itu, guru menerangkan perkataan yang sama makna seperti riang, gembira dan girang.

Pengajaran seterusnya, murid berbincang secara berkumpulan cara menyebut sesuatu perkataan berdasarkan perasaan takut, marah dan gembira. Kemudian, setiap kumpulan meneliti sama ada intonasi bersesuaian dengan perasaan yang harus disampaikan.

Selain itu, setiap kumpulan juga menerima teks bacaan yang berbentuk dialog. Terdapat tiga teks bacaan yang berbeza. Ini bermakna sekurang-kurangnya dua kumpulan akan menerima teks bacaan yang sama. Dalam kumpulan masing-masing, murid akan mengenal pasti perasaan watak dan berlatih membaca dialog dengan intonasi yang betul. Setelah itu, setiap kumpulan akan membuat penyampaian. Guru akan menilai penyampaian murid dan memberi maklum balas secara lisan.

### Sesi 11-12


Bagi Sesi 11 dan 12, murid membaca secara kreatif dengan menggunakan teknik Teater Pembaca. Penyampaian itu merangkumi aspek tekanan, intonasi, jeda dan penghayatan. Mereka akan diberikan masa untuk berlatih secara berkumpulan. Setelah itu, setiap kumpulan akan membuat penyampaian dan dinilai oleh kumpulan yang lain. Di akhir pelajaran, guru akan memberi maklum balas secara lisan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Kumpulan Kajian telah menunjukkan peningkatan yang ketara setelah didedahkan dengan teknik DEKON. Nilai yang

dihasilkan oleh Kumpulan Kajian menunjukkan bahawa peningkatan yang diraih oleh kumpulan itu sangat ketara. Rujuk Rajah 1.

**Rajah 1: Perbandingan Markah Praujian dengan Pascaujian**



Dapatan ini menunjukkan bahawa murid-murid yang diajar teknik DEKON telah mencapai peningkatan markah yang tinggi. Berdasarkan kaedah *paired t test* yang diperolehi oleh kumpulan kajian adalah  $> 0.0001$ . Ini menunjukkan murid telah menunjukkan peningkatan markah yang ketara.

Memandangkan kajian ini melibatkan hanya satu kumpulan, ada kemungkinan peningkatan prestasi murid berlaku kerana mereka telah dapat menambah pengetahuan tentang teknik bacaan yang baik dalam jangka masa antara praujian dengan pascaujian. Dalam bidang statistik, kemungkinan ini dipanggil '*single group threat*'.

## KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa teknik DEKON telah membuahkan hasil yang ketara. Teknik itu bukan sahaja berjaya membantu murid-murid mengenal pasti nada dan intonasi yang terdapat pada teks bacaan bahkan, mereka juga berupaya membaca dengan lebih yakin dan penuh penghayatan. Kelakonan yang baik

dalam komponen bacaan lantang sekaligus membantu murid untuk mencapai markah yang lebih baik dalam ujian lisan.

Keputusan praujian dan pascaujian membuktikan keberkesanan teknik DEKON. Peningkatan yang ketara dalam pencapaian murid Kumpulan Kajian mengukuhkan lagi pandangan tentang keberkesanan teknik DEKON dalam pengajaran dan pembelajaran bacaan lantang. Oleh kerana teknik DEKON sejajar dengan pembelajaran abad ke-21 dan membawa manfaat kepada murid, teknik tersebut akan terus diterapkan dalam pengajaran bagi setiap peringkat pada masa hadapan.

### *Nota*

Guru-guru berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan:

1. Fauziah Osman
2. Junainah Mohamed Yusoff
3. Matufa Latiff
4. Siti Fadiah Ramdan

## **RUJUKAN**

- Abd.Aziz Talib, (1989) Pengajaran dan Pengujian Bahasa: Perspektif untuk Perguruan. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Daane, M. C., Campbell, J. R., Grigg, W. S., Goodman, M. J., & Oranje, A. (2005). Fourth- grade students reading aloud: NAEP 2002 special study of oral reading (NCES Report No. 2006-469). Washington, DC: National Center for Education Statistics.
- Daneman, M., & Merikle, P. (1996). Working memory and language comprehension:
- Halimi Bin Mohamed Noh, (2012). Seminar Paper: Seminar Kebangsaan Pemantapan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Bahasa Melayu 16-18 September 2012. Pusat Pengajian Seni USM: Kuching, Sarawak, Malaysia.
- Kamarudin Hj. Husin, (1998). Pedagogi Bahasa. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn.Bhd.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Abd. Aziz (1997). Pengajian Melayu 3: Komunikasi Bahasa. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.
- Kamidjan, (1996), Teori Membaca, Surabaya, JPBSI FPBS IKIP Surabaya
- Marie Langley, (2009). Readers' Theatre Play scripts to read aloud. United Kingdom: Essential Resources Educational Publishers Limited.
- Miller, J., & Schwanenflugel, P. J. (2008). A longitudinal study of the development of reading prosody as a dimension of oral reading fluency in early elementary school children.

Reading Research Quarterly, 43,336-354.

Webb, M-Teachers Network Conference, (2002). The Classroom of the 21st Century – A Paradigm Shift. MOE.

## **SUMBER INTERNET**

Dr. Zainal Abdul Latif, (2011, April 27). Memantapkan Pengertian DEKON. Laman Blog Rasmi Grup Teater Lab (G-Tel) Universiti Malaysia, Sabah. Dipetik pada 25th October, 2013 dari lelamam <http://grupteaterlab.blogspot.sg/2011/04/memantapkan-pengertian-dekon.html>-

Report of the National Reading Panel , Laman Eunice Kennedy Shriver National Institute of Child Health and Human Development, <http://www.nichd.nih.gov/publications/pubs/nrp/Pages/findings.aspx>

Logan De Ley, Why Prosody Matters: The Importance of Reading Aloud with Expression, Scientific Learning 26 Jul 2012

<http://www.scilearn.com/blog/prosody-matters-reading-aloud-with-expression.php>

<http://www.graphpad.com/quickcalcs/ttest1.cfm>

### Kriteria dan Penerangan

PERKARA	KRITERIA & PENERANGAN
KELANCARAN	<u>Cemerlang (5)</u> : •Bacaan lancar dan tidak teragak-agak.
	<u>Kepujian (4)</u> : •Bacaan teragak-agak sedikit.
	<u>Baik (3)</u> : •Bacaan kurang lancar.
	<u>Sederhana (2)</u> : •Bacaan lambat dan agak ragu-ragu.
	<u>Lemah (1)</u> : •Bacaan sangat lambat dan tersekat-sekat, membaca mengikut suku kata.
	*0 - Tidak lancar langsung.
INTONASI	<u>Cemerlang (5)</u> : •Mempunyai intonasi yang berbeza dan sangat sesuai.
	<u>Kepujian (4)</u> : •Mempunyai intonasi yang berbeza dan sesuai.
	<u>Baik (3)</u> : •Terdapat intonasi yang masih sesuai.
	<u>Sederhana (2)</u> : •Terdapat sedikit intonasi yang sesuai.
	<u>Lemah (1)</u> : •Intonasi tidak sesuai.
	*0 – Tiada intonasi langsung.
PENJEDAAN	<u>Cemerlang (5)</u> : •Penjedaan yang sangat tepat dan sesuai.
	<u>Kepujian (4)</u> : •Penjedaan yang hampir tepat dan sesuai.
	<u>Baik (3)</u> : •Terdapat jeda yang sesuai.
	<u>Sederhana (2)</u> : •Terdapat sedikit jeda yang sesuai.
	<u>Lemah (1)</u> : •Jeda tidak sesuai.
	*0 – Tiada jeda langsung.